



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PERSEPSI GURU TERHADAP KOMPETENSI KEUSAHAWANAN, KEUPAYAAN GURU
MENGAJAR DAN KAEDEAH PENGAJARAN KEUSAHAWANAN DALAM MATA
PELAJARAN VOKASIONAL DI SEKOLAH MENENGAH NEGERI PAHANG**

TAM PHUN KHOW

FPP 2006 8

**PERSEPSI GURU TERHADAP KOMPETENSI KEUSAHAWANAN,
KEUPAYAAN GURU MENGAJAR DAN KADEAH PENGAJARAN
KEUSAHAWANAN DALAM MATA PELAJARAN VOKASIONAL
DI SEKOLAH MENENGAH NEGERI PAHANG**

Oleh

TAM PHUN KHOW

**Tesis ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Julai 2006



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PERSEPSI GURU TERHADAP KOMPETENSI KEUSAHAWANAN,
KEUPAYAAN GURU MENGAJAR DAN KAEDAH PENGAJARAN
KEUSAHAWANAN DALAM MATA PELAJARAN VOKASIONAL
DI SEKOLAH MENENGAH NEGERI PAHANG**

Oleh

Tam Phun Khow

Julai 2006

Pengerusi : Suhaida Bt Abdul Kadir, PhD

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi guru mengenai kompetensi keusahawanan, keupayaan guru mengajar dan kaedah pengajaran keusahawanan dalam mata pelajaran vokasional (MPV) di sekolah menengah di Pahang. Kajian ini berbentuk deskriptif yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Instrumen kajian ini terdiri dari tiga pembolehubah iaitu kompetensi keusahawanan, keupayaan guru mengajar dan kaedah pengajaran. Populasi kajian ini terdiri daripada



52 orang guru MPV di negeri Pahang. Analisis data dilakukan dengan menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan min, peratusan dan kekerapan. Dapatan kajian menunjukkan kompetensi kewangan dan perakaunan amat diperlukan oleh pelajar diikuti kompetensi pemasaran, kompetensi pengurusan dan kompetensi am. Keupayaan guru mengajar kompetensi keusahawanan secara keseluruhan adalah rendah. Guru mempunyai keupayaan yang tinggi dalam mengajar kompetensi am diikuti kompetensi pengurusan dan kompetensi pemasaran. Keupayaan guru mengajar kompetensi kewangan dan perakaunan adalah rendah. Kaedah pengajaran yang kerap digunakan oleh guru adalah kaedah kuliah, edaran dan kajian kes.

Abstract of the thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia
in partial fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**TEACHERS' PERCEPTIONS ON ENTREPRENEURIAL COMPETENCIES,
TEACHERS' TEACHING ABILITY AND ENTREPRENEURSHIP
TEACHING METHODS IN VOCATIONAL SUBJECTS IN
SECONDARY SCHOOLS IN THE STATE OF PAHANG**

By

Tam Phun Khow

July 2006

Chairman : Suhaida Bt Abdul Kadir, PhD

Faculty : Educational Studies

The objectives of this study are to identify teachers' perceptions regarding the entrepreneurial competencies, teachers' ability in teaching these competencies and entrepreneurship teaching methods in vocational subjects in secondary schools in the state of Pahang. This is a descriptive research using questionnaires as the research instrument. The instrument consists of three variables that are entrepreneurial competencies, teachers' teaching ability based on the categorized entrepreneurial competencies and teaching methods. This research consists of 52 teachers who are teaching vocational



subjects (MPV) in the state of Pahang. The data was analysed by descriptive statistics using mean, percentage and frequency. The finding shows that financial and accounting competencies are most needed by the students followed by marketing competencies, management competencies and general competencies. On the whole, teachers have low ability in teaching entrepreneurial competencies. Teachers have highest ability in teaching general competencies followed by management competencies and marketing competencies. They have low teaching abilities in financial and accounting competencies. Teaching method which are most frequently used are lecture, handouts and case study.

PENGHARGAAN

Terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada Dr. Suhaida Bt Abdul Kadir dan Prof. Madya Dr. Abd Patah Abd Malek selaku Jawatankuasa Penyeliaan tesis ini yang begitu teliti menyemak, memberi teguran, tunjuk ajar serta nasihat bagi menyempurnakan tesis Master Sains (Pendidikan Teknik dan Vokasional).

Tidak juga terlupa, terima kasih ditujukan kepada Cik Genevieve K. Angking selaku penasihat akademik yang sentiasa memberi galakan dan dorongan kepada saya untuk terus maju.

Penulis ingin juga mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua yang terlibat samada secara langsung atau tak langsung terutama guru-guru dalam kajian yang telah memberi kerjasama dalam menyempurnakan kajian soal selidik.

Akhir sekali penulis amat menghargai pengorbanan yang diberikan oleh suami tersayang iaitu Che Poi Choi , anak tersayang Che Man Hong dan Che E Laine serta bonda dan adik beradik.



Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Peperiksaan Tesis bagi Tam Phun Khow telah pemeriksaan akhir pada 3hb Julai 2006 untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk "Persepsi Guru Terhadap Kompetensi Keusahawanan, Keupayaan Guru Mengajar Dan Kaedah Pengajaran Keusahawanan Dalam Mata Pelajaran Vokasional di Sekolah Menengah Negeri Pahang" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksaan Tesis memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah tersebut. Ahli Jawatankuasa Pemeriksaan Tesis adalah seperti berikut:-

Ramlah Hamzah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Zakaria Abdul Rahman, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Datin Zahara Abd Aziz, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Pemeriksa Luar)

HASANAH MOHD. GHAZALI, PhD

Profesor/Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 22 MAC 2007



Tesis ini telah dikemukaan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti tersebut:

Suhaida Abdul Kadir, PhD

Pensyarah

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Abd. Patah Abd Malek, PhD

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

AINI IDERIS, PhD

Profesor/Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 12 APRIL 2007



PERAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau di institusi-institusi lain.

TAM PHUN KHOW

Tarikh:



JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	ix
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii

BAB

I PENDAHULUAN

Pengenalan	1
Latar Belakang Kajian	1
Pernyataan Masalah	4
Objektif Kajian	6
Objektif Khusus	7
Soalan Kajian	8
Kepentingan Kajian	10
Skop Kajian	12
Batasan Kajian	12
Definisi Operasional	13
Kerangka Konseptual Kajian	16

II SOROTAN LITERATUR BERKAITAN

Pengenalan	19
Pembentukan dan Penilaian Kurikulum	19
Kurikulum dalam Pendidikan Keusahawanan	25
Kompetensi Keusahawanan dalam Pendidikan	
Keusahawanan	29
Keupayaan Guru Mengajar Kompetensi Keusahawanan	34
Kaedah Pengajaran Keusahawanan	41

III	METODOLOGI KAJIAN	
Pengenalan	56	
Rekabentuk Kajian	56	
Instrumen Kajian	57	
Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	59	
Kajian Rintis	59	
Populasi Kajian	61	
Pengumpulan Data	62	
Penganalisisan Data	62	
IV	DAPATAN KAJIAN	
Pengenalan	64	
Demografi Responden	64	
Kompetensi Keusahawanan yang diperlukan oleh pelajar	70	
Perbandingan Kompetensi Keusahawanan yang diperlukan oleh pelajar berdasarkan demografi guru	76	
Keupayaan guru MPV mengajar Kompetensi Keusahawanan	77	
Perbandingan Keupayaan guru MPV mengajar Kompetensi Keusahawanan dengan berdasarkan demografi guru	84	
Kaedah pengajaran keusahawanan yang digunakan oleh guru MPV dalam pengajaran kompetensi keusahawanan	86	
Perbandingan kekerapan kaedah pengajaran keusahawanan berdasarkan demografi	89	
V	RUMUSAN, PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
Pengenalan	94	
Rumusan Dapatan Kajian	98	
Perbincangan	101	
Kesimpulan	108	
Cadangan	109	
BIBLIOGRAFI	116	
LAMPIRAN	124	
BIODATA PENULIS	149	

SENARAI JADUAL

Jadual	Mukasurat
1 Kekerapan dan peratus responden mengikut jantina dan kumpulan etnik	65
2 Kekerapan dan peratus responden mengikut kelayakan akademik dan iktisas	66
3 Kekerapan dan peratus responden mengikut mata pelajaran elektif	67
4 Kekerapan dan peratus responden mengikut pengalaman mengajar	68
5 Kekerapan dan peratus responden mengikut pengalaman dalam bidang perniagaan	69
6 Kekerapan dan peratus responden mengikut pengalaman mengajar aspek Perdagangan dan Keusahawanan	69
7 Kekerapan dan peratus responden mengikut latihan/kursus dalam aspek keusahawanan yang diterima oleh responden	70
8 Kompetensi Keusahawanan yang diperlukan oleh pelajar dari persepsi guru	71
9 Kompetensi Kewangan dan Perakaunan yang diperlukan oleh pelajar	72
10 Kompetensi Pemasaran yang diperlukan oleh pelajar	73
11 Kompetensi Pengurusan yang diperlukan oleh pelajar	74
12 Kompetensi Am yang diperlukan oleh pelajar	75
13 Perbandingan min keperluan kompetensi keusahawanan berdasarkan demografi secara keseluruhan	77
14 Keupayaan Guru Mengajar Kompetensi Keusahawanan	78
15 Keupayaan Guru Mengajar Kompetensi Am	79

16	Keupayaan Guru Mengajar Kompetensi Pengurusan	80
17	Keupayaan Guru Mengajar Kompetensi Pemasaran	81
18	Keupayaan Guru Mengajar Kompetensi Kewangan dan Perakaunan	82
19	Perbandingan min Keupayaan Guru Mengajar Kompetensi Keusahawanan berdasarkan demografi secara keseluruhan	84
20	Kaedah pengajaran keusahawanan mengikut kategori	86
21	Kekerapan dan peratus kaedah pengajaran keusahawanan	88
22	Perbandingan min kaedah pengajaran guru berdasarkan kelayakan akademik	90
23	Perbandingan min kaedah pengajaran guru berdasarkan pengalaman mengajar	91
24	Perbandingan min kaedah pengajaran guru berdasarkan pengalaman dalam perniagaan	92
25	Perbandingan min kaedah pengajaran guru berdasarkan Latihan/kursus dalam perkhidmatan	93

SENARAI RAJAH

Rajah	Mukasurat
1 Kerangka Konseptual Kajian	18
2 Komponen dalam Rekabentuk Kurikulum	20
3 Model Perkembangan Kurikulum Saylor dan Alexandar	22
4 Model Pembelajaran Keusahawanan Hynes (1996)	42
5 Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Mengikut Kolb (Model Kolb)	48
6 Penganalisisan Data Kajian	63

SENARAI SINGKATAN

MPV	Mata Pelajaran Vokasional
KHB	Kemahiran Hidup Bersepadu
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
SRT	Seni Reka Tanda
KP	Katering dan Penyajian
LN	Lanksap dan Nuseri
KK	Kompetensi Keusahawanan
KM	Keupayaan Mengajar

BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Bab ini membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif khusus, soalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian, batasan kajian dan definisi operasional kajian.

Latar Belakang Kajian

Penglibatan individu dalam sektor perniagaan akan terus meningkat dan ini merupakan elemen yang penting dalam pertumbuhan dan perkembangan ekonomi. Bidang keusahawanan berkeupayaan untuk memajukan ekonomi melalui perkembangan sektor perniagaan (Jin Li, 2003). Oleh itu pendidikan keusahawanan memainkan peranan yang penting dalam membentuk pelajar ke arah menjadi usahawan (Jonsson dan Jonsson, 2003). Ziderman (1997) mengesyorkan bahawa pembudayaan

keusahawanan mampu dilaksanakan melalui pendidikan vokasional. Penerapan ciri-ciri keusahawanan dalam mata pelajaran vokasional boleh mengukuhkan kemahiran perniagaan melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan.

Penekanan terhadap pendidikan keusahawanan di Malaysia menjadi semakin ketara melalui Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979), dan dengan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Pendidikan keusahawanan menjadi komponen teras dalam mata pelajaran bersifat pra-vokasional iaitu Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB). Kementerian Pendidikan juga menyedari kemajuan ekonomi yang begitu pesat telah mengakibatkan penambahan permintaan tenaga pekerja teknikal dan vokasional. Justeru, Program Mata Pelajaran Vokasional (MPV) telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 23 Jun 1999 dan mula dilaksanakan pada tahun 2002. Program ini merangkumi 22 mata pelajaran elektif bercorak kemahiran vokasional dengan penerapan pendidikan keusahawanan. Program ini telah dirancangkan untuk pelajar yang kurang berminat dalam mata pelajaran akademik (Laporan Penilaian Pelaksanaan MPV, 2003). Penerapan pendidikan keusahawanan dalam MPV diharapkan berupaya membantu pelajar supaya mampu berdikari dan menyara hidup mereka sama ada secara makan gaji atau bekerja sendiri.

Corak penggabungan seperti ini sebenarnya telah menjadi amalan di beberapa negara yang maju seperti di Jepun dan di Jerman.

Bagi mencapai tujuan tersebut sesuatu pembentukan dan penilaian kurikulum perlu dilaksanakan di mana aspek-aspek isi kandungan, pelaksanaan program atau mata pelajaran dan penggunaan sumber perlu di ambil kira. Mengikut Hynes (1996), cara untuk membudayakan keusahawanan adalah melalui pendidikan. Pelbagai program pendidikan boleh menggabungkan kompetensi keusahawanan sebagai salah satu subjek bagi menimbulkan minat pelajar terhadap keusahawanan.

Menurut Sexton dan Kasarda (1992), pendidikan keusahawanan memberikan para pelajar kompetensi berikut, iaitu kefahaman konsep-konsep yang berkaitan dengan keusahawanan, penerapan pengetahuan perniagaan merentasi bidang-bidang lain, mengenalpasti bakat yang ada dan merangsang kemahiran dan perubahan sikap terhadap pembangunan.

Penggunaan sumber dan cara pelaksanaan pendidikan keusahawanan dalam sesuatu sistem pendidikan memerlukan persediaan yang mencukupi dari pihak guru (Ashmore, 1990). Penggunaan sumber tenaga guru dari segi keupayaan guru dalam menyampaikan kompetensi keusahawanan.

Kesesuaian penggunaan kaedah pengajaran oleh guru dalam pelaksanaan pengajaran keusahawanan. Shuman dan Hornaday (1975) mengatakan bahawa kaedah pengajaran berbentuk pengalaman merupakan antara kaedah yang sesuai bagi pendidikan dan latihan keusahawanan.

Pernyataan Masalah

Kompetensi yang berkaitan dengan aspek-aspek teknikal dan pengurusan dalam bidang keusahawanan boleh diajar melalui pendidikan dan latihan (Cunningham dan Lischeron, 1991). Penerapan kompetensi keusahawanan dalam program Mata Pelajaran Vokasional ini telah ditawarkan kepada pelajar yang memperolehi pencapaian rendah dalam Penilaian Menengah Rendah dalam mata pelajaran seperti Bahasa Melayu, Sains dan Matematik. Pelajar dari kumpulan ini biasanya mempunyai peluang yang tipis untuk meneruskan pelajaran mereka. Biasanya selepas tamat persekolahan di Tingkatan 5 mereka akan memasuki alam pekerjaan sama ada kerja makan gaji atau bekerja sendiri. Menurut Meyer (2000) keinginan untuk bekerja sendiri memang wujud dalam diri individu. Oleh itu pelajar ini perlu diberi persediaan untuk tujuan tersebut dengan mengikuti pendidikan keusahawanan. Jadi sejauh manakah kompetensi keusahawanan yang ada dalam program MPV boleh membantu pelajar

yang pencapaiannya rendah untuk memulakan perniagaan dan seterusnya berdaya maju dalam bidang ini.

Mata pelajaran MPV ini terbahagi kepada bahagian teknikal dan bahagian pengurusan dan keusahawanan. Walau bagaimanapun subjek ini lebih mirip kepada bahagian teknikal. Oleh itu kelas-kelas MPV ini dikendalikan oleh guru teknikal dan bukan oleh guru keusahawanan. Kebanyakan guru-guru ini adalah guru yang terlatih dalam bidang teknikal dan bukan bidang keusahawanan. Hill (1986) menyatakan guru-guru yang mendapat ijazah dalam bidang pengurusan dan keusahawanan mempunyai keupayaan yang lebih tinggi mengajar pendidikan keusahawanan berbanding dengan guru-guru dari disiplin yang lain.

Semenjak Program MPV bermula pada 2002, didapati hanya sekali sahaja iaitu pada 25 hingga 28 Julai 2005 guru MPV diberi kursus yang berkaitan dengan pengurusan dan keusahawanan. Kursus ini dianjurkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia untuk guru-guru yang mengajar di negeri pantai timur Semenanjung Malaysia (Pahang dan Terengganu) di Legend Resort, Kuantan, Pahang. Selepas sekali berkursus ini, adalah penting mengetahui sejauh mana guru MPV telah bersedia dari segi keupayaan mengajar kompetensi keusahawanan tersebut. Persoalan seterusnya ialah bagaimana pula dengan guru-guru yang belum menerima

kursus atau latihan dalam pengurusan dan keusahawanan, apakah keupayaan guru teknikal dalam mengajar kompetensi keusahawanan ini kepada pelajarnya?

Selain itu, apakah kaedah pengajaran yang digunakan oleh mereka? Kajian ini akan meninjau kompetensi keusahawanan yang diperlukan oleh pelajar, sejauh mana tahap keupayaan guru mengajar sesuatu kompetensi keusahawanan dan apakah kaedah pengajaran yang kerap digunakan oleh guru MPV. Diharap hasil dapatan kajian boleh membantu pihak yang terlibat dalam pendidikan perguruan melakukan sesuatu perubahan untuk menyediakan guru bagi menghadapi perubahan negara dan dunia.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi guru MPV terhadap kompetensi keusahawanan yang diperlukan oleh pelajar. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti keupayaan guru MPV mengajar serta kaedah pengajaran yang digunakan dalam pengajaran kompetensi keusahawanan.

Objektif Khusus

Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengenal pasti kompetensi keusahawanan yang diperlukan oleh pelajar dari persepsi guru.
2. Membandingkan kompetensi keusahawanan yang diperlukan oleh pelajar dari persepsi guru berdasarkan demografi.
3. Mengenal pasti keupayaan guru mengajar kompetensi keusahawanan.
4. Membandingkan keupayaan guru mengajar kompetensi keusahawanan berdasarkan demografi.
5. Mengenal pasti kekerapan sesuatu kaedah pengajaran keusahawanan yang digunakan oleh guru dalam pengajaran kompetensi keusahawanan.

6. Membandingkan kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru dalam pengajaran kompetensi keusahawanan berdasarkan demografi.

Soalan Kajian

1. Apakah kompetensi keusahawanan yang diperlukan oleh pelajar MPV dari persepsi guru MPV?
2. Apakah kompetensi keusahawanan yang diperlukan oleh pelajar MPV berdasarkan kelayakan akademik guru?
3. Apakah kompetensi keusahawanan yang diperlukan oleh pelajar MPV berdasarkan pengalaman mengajar guru?
4. Apakah kompetensi keusahawanan yang diperlukan oleh pelajar MPV berdasarkan latihan/kursus dalam perkhidmatan?
5. Apakah keupayaan guru MPV mengajar kompetensi keusahawanan?

6. Apakah keupayaan guru MPV mengajar kompetensi keusahawanan berdasarkan kelayakan akademik?
7. Apakah keupayaan guru MPV mengajar kompetensi keusahawanan berdasarkan pengalaman mengajar?
8. Apakah keupayaan guru MPV mengajar kompetensi keusahawanan berdasarkan latihan/kursus dalam perkhidmatan?
9. Apakah kaedah pengajaran keusahawanan yang digunakan oleh guru MPV?
10. Apakah kaedah pengajaran keusahawanan yang digunakan oleh guru MPV berdasarkan kelayakan akademik?
11. Apakah kaedah pengajaran keusahawanan yang digunakan oleh guru MPV berdasarkan pengalaman mengajar?
12. Apakah kaedah pengajaran keusahawanan yang digunakan oleh guru MPV berdasarkan latihan/kursus dalam perkhidmatan?